

# pendapat

**Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo**

Ahli Seumur Hidup Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



## Memperkasa pengurusan akademik pertengahan UA

### ➔ Pemimpin ilmu tongak kekuatan institusi ilmuwan

Pengurusan akademik universiti awam (UA) dikawal dan dipengaruhi oleh Akta Badan Berkanun (1980), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (1971) dan dasar Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi membolehkan setiap UA menjalankan pentadbiran dengan cekap, akta AUKU pula diterjemahkan kepada Perlembagaan universiti masing-masing, umpamanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menggunakan pakai Perlembagaan UKM (2010). Inilah punca kuasa pengurusan dan pentadbiran UA di Malaysia.

Dalam akta, kuasa diberikan kepada ahli Lembaga

Pengarah dan ahli Senat Universiti, dan pelaksanaannya diserahkan kepada Menteri, Pengurus Lembaga Pengarah, Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor, dibantu secara pentadbiran oleh Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan.

Secara jelas, AUKU membezakan peranan Lembaga dan Senat. Jika Lembaga bertanggungjawab dalam hal-hewal bukan akademik, seperti perjawatan dan kewangan, Senat pula dimandatkan untuk membuat keputusan mengenai hal-hewal akademik, khususnya berkaitan dengan program pengajian dan penyelidikan.

Penulis terganggul untuk membincangkan isu pengurusan tahap pertengahan kerana mendapat banyak kekeliruan dan kecaburan pada peringkat ini sehingga timbul keresahan daripada kalangan ahli akademik dan menjejaskan prestasi mereka.

#### Tiada kuasa mutlak

Secara khususnya, tanggungjawab pengurusan berkaitan institusi pelaksana akademik diletakkan di



Kecenderungan melantik ‘ahli akademik muda’ sebagai pengurus akademik bukanlah satu langkah yang bijak. Mereka mungkin bertenaga untuk melaksanakan semua ketetapan Senat, tetapi besar kemungkinan boleh menimbulkan pelbagai masalah daripada perspektif penerimaan ke pemimpinan akademik, pengurusan sumber pakar (intelek) dan menerajui kesarjanaan sesebuah institusi ilmuwan”

bawah Dekan Fakulti, Ketua Pusat Pengajian dan Pengrahy Pusat Penyelidikan.

Lantikan Dekan, Pengurus dan Pengarah institusi akademik dibuat secara sementara, setiap lantikan tidak melebihi empat tahun dan boleh digugurkan pada bila-bila masa. Mereka mewakili Naib Canselor untuk melaksanakan urusan berkaitan pengajian (pentadbiran) dan penyelidikan.

Lazimnya mereka yang dilantik terdiri daripada ahli akademik kanan, terbukti kewibawaan akademik dan diterima oleh rakan kesepakaran. Puncak kuasa Dekan, Pengurus dan Pengarah terletak pada keputusan Senat dan arahan pentadbiran oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor.

Biasanya ahli akademik yang diberikan tanggungjawab melaksanakan peranan ini kurang terdedah dengan kemahiran pengurusan, maka seorang pegawai pentadbir (Penolong Pendaftar) diberikan mandat untuk membantunya.

Berlainan dengan peranan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor, Dekan, Pengurus dan Pengarah tidak mempunyai kuasa mutlak kerana tidak disebut secara khusus perannannya dalam perlumbaan. Mereka sebetulnya ialah wakil Naib Canselor untuk tempoh tertentu bagi memastikan semua urusan akademik pada peringkat fakulti, pusat pengajian dan penyelidikan berjalan lancar.

Pada prinsipnya mereka ialah penyalas atau ketua

bagi pihak ahli akademik di institusinya. Mereka bukan sahaja bertindak sebagai pegawai pelaksana menyerjemahkan keputusan Senat, tetapi lebih penting lagi, menjadi perantara dan pemimpin akademik yang membawa hasrat dan keperluan ahli akademik kepada Senat dan Naib Canselor.

Bagi urusan pengajian, Dekan atau Pengurus, lazimnya diberikan mandat untuk melaksanakan program pengajian. Dalam menjalankan tugas ini, beliau perlu mendapat bantuan dan sokongan daripada ahli akademik (pakar bidang) untuk melaksanakan urusan ini. Oleh itu, entiti fakulti pada prinsipnya ialah pakar bidang (individu ahli akademik), kelompok ilmu (program atau jabatan) dan kesatuan kepelbagaiannya ilmu (pusat atau fakulti).

#### Penting etika akademik

Dalam menjalankan perannannya, Dekan atau Pengurus tidak mempunyai pilihan, kecuali mewujudkan mekanisma ketetapan atau persetujuan bersama melalui Mesyuarat Fakulti. Melalui mesyuarat ini, semua keputusan Senat boleh disampaikan kepada ahli fakulti, sementara wawasan ahli akademik fakulti, dimantapkan dan dibawa ke Senat untuk diluluskan.

Tidak seperti pentadbir di agensi pelaksana kerajaan atau pengurus institusi swasta, Dekan, Pengurus dan Pengarah pusat pengajian dan penyelidikan di UA, mempunyai dua fungsi

utama iaitu menjadi pengurus untuk melaksanakan ketetapan Senat dan sebagai pemimpin akademik yang membawa obor keilmuan dan kepentingan pelajar dan ahli akademik.

Oleh itu, kecenderungan melantik ‘ahli akademik muda’ sebagai pengurus akademik bukanlah satu langkah yang bijak. Mereka mungkin bertenaga untuk melaksanakan semua ketetapan Senat, tetapi besar kemungkinan boleh menimbulkan pelbagai masalah daripada perspektif penerimaan ke pemimpinan akademik, pengurusan sumber pakar (intelek) dan menerajui kesarjanaan sesebuah institusi ilmuwan.

Beberapa kriteria asas perlu diberikan perhatian ialah ahli akademik menunjukkan kepimpinan akademik yang jelas dan meningkatkan etika akademik dalam semua urusannya, berwibawa dalam bidang kepakaran akademik dan sering mendapat sambutan daripada rakan kesepakaran serta diterima oleh ahli akademik di fakulti, pusat pengajian dan pusat penyelidikannya.

Pimpinan akademik pada tahap pertengahan ialah komponen pengurusan terpenting dalam pembangunan UA. Mereka adalah pelaksana iltizam universiti, dan pada masa sama, pimpinan ilmu menyurburkan budaya akademik, mempertahankan etika akademik dan menjadi mentor ahli akademik muda serta tonggak kekuatan institusi ilmuwan yang tersanjung ini.